

CABARAN PEMBANGUNAN INAP DESA DI PULAU BANGGI: SATU ANALISIS OBSERVASI

(THE CHALLENGES OF DEVELOPING HOMESTAYS ON BANGGI ISLAND: AN OBSERVATIONAL
ANALYSIS)

ALOY, J. J.¹ – YUSOH, M. P.^{2,3*} – ZAKARIA, Z.¹ – MARJUN, A. J.¹ – OSIN, N.¹

¹ *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

² *Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

³ *Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, Malaysia.*

**Penulis penghubung*

e-mail: pirdaus[at]jums.edu.my; pirdaus.y[at]umk.edu.my

(Received 28th June 2024; revised 15th September 2024; accepted 25th September 2024)

Abstrak. Inap desa atau dikenali sebagai homestay adalah pelancongan berasaskan komuniti yang menawarkan kepada pelancong pengalaman alam semulajadi dan gaya hidup desa tempatan. Inap desa merupakan salah satu daripada produk pelancongan desa yang terdapat di Malaysia dan menjadi satu program yang mendapat perhatian kerajaan dan agensi berkaitan. Namun, pembangunan inap desa tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh ke kawasan tertentu disebabkan oleh cabaran dari aspek darjah ketersampaian, ketersediaan utiliti dan infrastruktur, serta aspek penerimaan penduduk termasuk di Pulau Banggi, Sabah. Pulau ini berpotensi untuk dibangunkan sebagai tarikan pelancongan kerana mempunyai kawasan persisiran pantai, pulau-pulau kecil, gua, bukit serta kawasan air terjun. Selain itu ia juga boleh dibangunkan sebagai cabang pelancongan budaya kerana penduduknya yang berbilang etnik termasuklah etnik Ubian, etnik Molbog, Bajau Sama, Suluk, Kagayan, dan Bonggi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pemerhatian, temu bual melibatkan lapan orang informan yang terdiri daripada ketua kampung, ketua-ketua etnik dan pihak pemegang taruh. Hasil temu bual dan pemerhatian mendapati terdapat beberapa cabaran bagi membangunkan inap desa di Pulau ini. Antaranya kekurangan sumber bekalan air bersih dan elektrik, infrastruktur asas seperti jalan raya serta isu keselamatan. Isu ini menyukarkan sebarang pembangunan pelancongan apatah lagi mengusahakan penginapan homestay. Justeru, pihak kerajaan perlu komited dan mengambil inisiatif dalam membangunkan keperluan asas dan infrastruktur di Pulau Banggi bagi memastikan ekonomi dan sosial penduduk terjamin.

Katakunci: *inap desa, cabaran, pembangunan, komuniti, pelancongan*

Abstract. Homestays, or locally known as "inap desa," are a form of community-based tourism that offers travelers an experience of the natural environment and the rural lifestyle of the local community. Homestays are one of the rural tourism products available in Malaysia and have gained the attention of the government and related agencies. However, the development of homestays cannot be fully implemented in certain areas due to challenges related to accessibility, availability of utilities and infrastructure, and the acceptance of residents, including those on Banggi Island, Sabah. This island has the potential to be developed as a tourist attraction due to its coastal areas, small islands, caves, hills, and waterfalls. Additionally, it could be developed as a cultural tourism destination, as its population consists of various ethnic groups, including the Ubian, Molbog, Bajau Sama, Suluk, Kagayan, and Bonggi ethnicities. This study adopts a qualitative approach through observations and interviews with eight informants, comprising village heads, ethnic leaders, and stakeholders. The findings from the interviews and observations reveal several challenges in developing homestays on the island. Among them are the lack of clean water and electricity, basic infrastructure such as roads, and safety concerns. These issues make it difficult to develop tourism, let alone establish homestay accommodations. Thus, the government

must remain committed and take initiatives to develop the necessary infrastructure and basic needs on Banggi Island to ensure its residents' economic and social well-being.

Keywords: *homestays, challenges, development, community, tourism*

Pengenalan

Pulau Banggi terletak di pantai timur Kudat, Sabah, pulau ini memiliki luas sekitar 440.7 kilometer persegi merupakan pulau terbesar ketiga di Malaysia, setelah Pulau Langkawi dan Pulau Brait (Pejabat Daerah Pulau Banggi, 2022). Pulau Banggi adalah sebuah tempat yang kaya dengan keindahan alam yang menakjubkan. Pulau ini dikelilingi oleh laut yang biru, pantai berpasir putih, gugusan pulau-pulau kecil, bukit bukau, serta hutan hujan yang menghijau. Keunikan Pulau Banggi menjadikannya sebagai salah satu destinasi pelancongan yang menarik bagi pelancong yang mencari pengalaman alam yang sejati. Malahan, pulau yang didiami oleh enam etnik utama iaitu etnik Ubian, Molbog, Bajau Sama, Suluk, Kagayan, dan Bonggi dilihat masih mempunyai identiti budaya, adat dan tradisi yang mampu diketengahkan kepada umum. Menurut Azmi dan Hanafiah (2018), produk budaya adalah bentuk-bentuk budaya tempatan. Bentuk-bentuk budaya tempatan merujuk kepada budaya benda dan budaya bukan benda. Budaya benda merujuk kepada budaya hasil ciptaan manusia yang mempunyai nilai dan kegunaan dalam komuniti itu. Budaya bukan benda pula merujuk kepada amalan, sistem kepercayaan, pemikiran, nilai-nilai yang tidak bersifat benda, malah lebih bersifat akal-budi dan rohani. Melalui tinjauan awal yang dilakukan, Pulau Banggi sememangnya menerima kunjungan daripada pelancong dalam dan luar negara, sama ada datang untuk melihat keindahan dan keunikan yang ada di Pulau Banggi, mahupun kedatangan daripada pelbagai latar belakang pengkaji ke lokasi tersebut. Walaubagaimanapun, hanya beberapa pusat penginapan yang beroperasi khususnya sebuah hotel yang ada di Pekan Karakit, acapkali menjadi tumpuan pelancong luar untuk bermalam apabila datang ke Pulau Banggi. Mapjabil et al. (2011) menegaskan, pelancong yang berkunjung ke program inap desa mempunyai matlamat dan objektif yang ingin dicapai seperti pengalaman berada di kawasan kampung. Oleh yang demikian, pengkaji mengharapkan komuniti Pulau Banggi bersedia untuk membangunkan pusat penginapan berkonsepkan inap desa, yang mana usaha tersebut bukan sahaja mampu meraih pendapatan kepada komuniti setempat itu sendiri, tetapi juga merencanakan lagi pelancongan di Pulau Banggi dari masa ke semasa. Ini berikutan, industri pelancongan acapkali dikaitkan dengan sumbangan terhadap sumber pendapatan, memberikan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat serta pemangkin kepada pembangunan infrastruktur.

Menurut Kunjuran (2019), salah satu sebab mengapa program inap desa diperkenalkan dan mendapat sambutan yang baik dalam kalangan komuniti setempat adalah kerana program inap desa meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar serta menggalakkan penglibatan mereka dalam perancangan dan pembangunan pelancongan. Malahan tidak dinafikan, inap desa adalah antara strategi pihak kerajaan dalam mempelbagaikan punca pendapatan ke arah pembangunan sosioekonomi yang lebih baik (Kunjuran, 2019). Hairal dan Hussin (2021) menyokong bahawa, melalui penginapan inap desa oleh komuniti setempat, maka ianya akan menghasilkan peluang pekerjaan kerana pengusaha inap desa memerlukan pekerja seperti pembersihan, tukang masak, serta pemandu pelancong. Bukan itu sahaja, sambutan inap desa terhadap komuniti setempat turut mewujudkan ekonomi sosial dalam kalangan penduduk di lokasi tersebut, seperti penjualan barangan kedai runcit, produk-produk tempatan serta

perkhidmatan pengangkutan. Oleh yang demikian, pengkaji menghasilkan penulisan melalui tinjauan observasi ini adalah berdasarkan matlamat lainnya iaitu ingin melihat sejauhmanakah komuniti setempat menyedari akan kebaikan sekiranya mereka melibatkan diri dalam pembangunan inap desa? Namun, hasil kajian mendapati, cabaran pembangunan inap desa iaitu cabaran daripada aspek aksesibiliti pengangkutan dan jalan raya, kekurangan kemudahan asas, kekurangan penglibatan komuniti, dan promosi dan pemasaran yang terhad perlu diselesaikan terlebih dahulu. Hasil kajian turut memberikan peluang kepada pengkaji membuat tinjauan beberapa kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan tarikan pelancongan. Penghasilan kajian tinjauan observasi ini diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada pendorong dan penajaan inisiatif daripada pihak kerajaan untuk terus mengambil langkah dalam memajukan sektor pelancongan di Pulau Banggi, yang bukan sahaja memberi manfaat kepada kerajaan negeri tetapi juga kepada komuniti setempat itu sendiri.

Sorotan kajian lepas

Cabaran pembangunan

Kajian lepas menunjukkan bahawa cabaran utama dalam pembangunan pelancongan terutamanya inap desa adalah kekurangan infrastruktur asas seperti pengangkutan, bekalan air bersih, dan tenaga elektrik. Ini adalah cabaran yang sering kali menghambat pertumbuhan inap desa di destinasi pelancongan yang terpencil. Kajian oleh Ahmad et al. (2011a) dalam pelancongan budaya di wilayah Koridor Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER) menyatakan keefisyenan sistem pengangkutan sering kali menjadi isu dalam pembangunan pelancongan. Sesuatu kawasan pelancongan yang maju memerlukan jaringan pengangkutan yang baik dan mudah dikunjungi. Para pelancong sebenarnya lebih gemar menggunakan kemudahan awam untuk membawa bergerak ke destinasi yang diinginkan. Namun begitu penyediaan kemudahan pengangkutan di wilayah ini sangat tidak memuaskan malah, pengangkutan teksi dikatakan mengenakan bayaran yang agak mahal. Berbeza dengan di Perlis kajian oleh Ahmad et al. (2011b), menyatakan pelancongan di negeri tersebut mula dibangunkan secara serius pada pertengahan tahun 1980an dengan penyediaan Perlis Tourism and Recreation Masterplan 1985-1995. Walaupun negeri tersebut boleh diakses melalui mod pengangkutan darat dan laut, namun cabaran daripada aspek kes-kes jenayah yang seringkali berlaku di kawasan sempadan seperti kecurian, penipuan, penculikan, pembunuhan, samun dan sebagainya menyumbang kepada imej negatif terhadap pelancongan kawasan sempadan. Selain itu, aktiviti penyeludupan merupakan isu utama yang seringkali dipandang serius oleh pihak kerajaan terutamanya di kawasan sempadan. Penyeludupan yang berlaku secara serius mewujudkan tanggapan bahawa sempadan negara mudah dibolosi oleh penyeludup akibat lemahnya aktiviti penguatkuasaan dan integriti. Jika tiada langkah-langkah berkesan diambil akan mewujudkan keadaan yang tidak stabil terutamanya bagi penduduk yang tinggal berhampiran kawasan sempadan dan pelancong. Isu ini turut mempunyai kesinambungan dengan pembangunan inap desa yang ingin dijalankan di Pulau Banggi, memandangkan Pulau Banggi adalah kawasan pulau yang acapkali dikaitkan dengan kes-kes jenayah sedemikian oleh segelintir masyarakat.

Beberapa kajian menekankan bahawa melibatkan komuniti tempatan dalam proses pembangunan inap desa adalah penting. Kajian ini menyiasat bagaimana melibatkan komuniti tempatan dapat membantu memastikan bahawa manfaat ekonomi dan sosial

disebarkan secara adil dan berterusan. Penglibatan komuniti telah menunjukkan peranan yang dilihat sebagai salah satu faktor motivasi. Cole (1995) menyatakan dalam makalahnya, penglibatan komuniti mempunyai beberapa faktor dalaman yang boleh diaplikasikan dalam program pembangunan. Penglibatan komuniti setempat memberikan kesedaran mengenai faedah yang boleh diperolehi. Kajian oleh Samsul dan Hussin (2021), di Kg. Seri Serbang, Bongawan, ahli komuniti mempunyai keinginan agar sumber alam yang dimiliki serta keunikan kebudayaan mereka dipersembahkan kepada masyarakat luar. Hal ini kerana salah satu hasil usaha untuk memajukan pembangunan pelancongan yang dibangunkan dan menjadi suatu perkara yang memotivasikan ahli komuniti yang terlibat. Kajian oleh Nor Ashikin dan Kalsom Kayat (2010) menunjukkan bahawa terdapat cabaran dalaman dan luaran yang mungkin menjejaskan kejayaan program inap desa berasaskan komuniti. Sebagai contoh, kepimpinan, yang merupakan faktor dalaman, boleh menjadi cabaran yang menghalang kejayaan pembangunan komuniti dalam menjalankan program inap desa. Kajian tersebut mendapati bahawa perubahan gaya kepimpinan memperlambatkan kadar pelancongan di salah sebuah kampung yang dikaji. Program inap desa yang benar-benar berjaya berlaku antara tahun 1996 hingga 2000 dengan peningkatan ketibaan pelancong ke masyarakat. Namun begitu, perubahan dalam kepimpinan komuniti telah menyebabkan penurunan mendadak dalam bilangan pelancong. Oleh itu, pemimpin yang baik dengan gaya kepimpinan yang efektif adalah amat penting untuk menggerakkan komuniti ke arah yang betul dan mencapai kejayaan pembangunan komuniti. Tanpa kepimpinan yang baik dan penyertaan masyarakat yang kuat, tentangan dan permusuhan boleh meningkatkan kos perniagaan dan memusnahkan potensi industri.

Pengertian konsep inap desa


Dalam konteks pelancongan, "inap desa" adalah istilah untuk menggambarkan konsep homestay agar menjadi sesuai dengan budaya dan keunikan negara kita Malaysia. Sebelum istilah inap desa diperkenalkan secara rasmi, istilah homestay sudah digunakan secara meluas dan masih tetap digunakan sehinggalah pada hari ini. Namun begitu, istilah inap desa atau homestay di negara ini memiliki makna dan penafsiran yang unik dan tersendiri, malahan mempunyai perbezaan jika dibandingkan dengan penafsiran inap desa atau homestay di negara lain. Setiap negara mempunyai konsep, definisi, dan fokus inap desa yang tersendiri, sehingga fungsi inap desa juga beragam sesuai dengan negara masing-masing. Kajian oleh Ahmad et al. (2011a) menyatakan antara pengertian untuk konsep homestay antarabangsa ialah: (1) Homestay merupakan satu bentuk pelancongan yang melibatkan pelajar program pengajian luar negara menyewa bilik dari sebuah keluarga tempatan untuk mempelajari cara hidup masyarakat setempat dengan lebih baik di samping meningkatkan keupayaan bahasa asing mereka; (2) Sebuah rumah tempat tinggal pemilik yang menawarkan penginapan kepada tetamu berbayar; sistem di mana pelajar antarabangsa dari luar negara tinggal bersama keluarga pemilik kediaman pada harga yang berpatutan; (3) Satu pilihan penginapan di mana pelajar antarabangsa tinggal bersama sebuah keluarga Amerika di rumah milik keluarga berkenaan. Pelajar antarabangsa berpeluang meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris dan membolehkan mereka didedahkan dengan cara hidup sebenar di Amerika Syarikat; serta (4) Pilihan penginapan yang melibatkan tinggal di sebuah rumah persendirian, di mana tetamu membayar sewa kepada pemilik rumah. Pilihan ini sering ditawarkan kepada mereka yang mengembara dengan tujuan untuk mempelajari bahasa asing.

Kajian oleh Mapjabil et al. (2011) pula menyatakan, homestay merujuk kepada satu bentuk penginapan atau satu bentuk kemudahan tempat tinggal di mana pelancong diberi peluang untuk tinggal bersama dengan keluarga tuan rumah (host) yang dipilih untuk berinteraksi serta mengalami cara hidup seharian keluarga tersebut. Selain daripada aktiviti sosiobudaya komuniti, pelancong berpeluang untuk menikmati keindahan alam semula jadi dan berpeluang untuk turut serta dalam aktiviti-aktiviti berasaskan alam sekitar seperti, jungle trekking dan lain-lain. Bertepatan dengan kenyataan oleh kajian Sihombing dan Simanjuntak (2019), program homestay merupakan bentuk penginapan alternatif di mana pelancong mengalami cara hidup di desa yang khas dengan masyarakat setempat.


Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini adalah sebahagian daripada pemerksaan produk budaya komuniti Bajau di Pulau Banggi sebagai salah satu tarikan pelancongan. Kajian melibatkan Pekan Karakit dan beberapa buah kampung iaitu Kampung Perpaduan, Kampung Kalangkaman dan Kampung Maliyu. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam tinjauan awal ini adalah berbentuk penerokaan melalui kaedah penyelidikan kualitatif. Secara umumnya, pendekatan penerokaan merupakan tahap awal untuk sesuatu penelitian atau kajian selanjutnya yang lebih sistematik. Penelitian secara penerokaan adalah untuk mengetahui tentang sesuatu fenomena baharu yang mungkin belum ada pada penyelidikan yang dilakukan sebelumnya (Mudjiyanto, 2018). Data kajian diperolehi menggunakan data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data yang diperolehi daripada kaedah temu bual yang diadakan bersama informan dan pemerhatian yang dilakukan di kawasan kajian. Data sekunder pula diperolehi daripada artikel yang berkenaan dengan cabaran pembangunan, pelancongan inap desa serta data daripada laporan rasmi kerajaan. Kajian tinjauan awal ini melibatkan seramai lapan orang informan yang terdiri daripada ketua kampung, ketua-ketua etnik, pihak pemegang taruh dan seorang pekerja homestay. Pengumpulan data dijalankan dengan mengadakan temu bual secara lisan atau perbualan dengan informan. Jawapan yang diperolehi dirakam menggunakan telefon pintar, dan direkodkan secara bertulis. Video dan gambar semasa temu bual diadakan juga diambil menggunakan kamera digital sebagai bukti penyelidikan.

Pengumpulan data untuk mencapai objektif tinjauan awal kajian dilaksanakan melalui empat fasa oleh pengkaji (*Rajah 1*). Pada fasa pertama, pengkaji mengadakan pertemuan dengan pelajar yang merupakan penduduk kampung untuk menjelaskan tentang pelaksanaan kajian tinjauan awal di Pulau Banggi. Pada fasa kedua, pengkaji berjumpa dengan ketua-ketua kampung dan ketua-ketua etnik untuk menjelaskan tujuan kajian sekaligus mendapatkan maklumat berkenaan tinjauan awal kajian dengan bantuan pelajar yang ditemui pada fasa pertama. Pada fasa ketiga, pengkaji mengadakan sesi temu bual bersama pihak pemegang taruh iaitu pegawai daerah di Pulau Banggi, untuk mengukuhkan lagi dapatan tinjauan awal kajian. Fasa keempat, pengkaji menjalankan pemerhatian di sekitar kawasan kajian untuk mengenalpasti pembangunan infrastruktur, tarikan budaya dan alam semula jadi yang ada (*Rajah 2*).



Rajah 1. Prosedur pengumpulan data.



Rajah 2. Peta lokasi kajian di Pulau Banggi, Kudat.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Profil demografi informan

Hasil kajian ditunjukkan pada *Jadual 1* iaitu jumlah informan yang ditemu bual oleh pengkaji iaitu seramai lapan orang informan dipilih bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan isu kajian. Informan yang ditemu bual terdiri daripada seorang perempuan dan tujuh orang lelaki yang ditunjukkan dengan Informan 1 (I1) hingga Informan 8 (I8). Berdasarkan *Jadual 1*, responden yang ditemu bual terdiri daripada pelbagai lapisan umur dan dibahagikan kepada enam lingkungan umur yang berbeza iaitu umur 21 hingga 30-an, 31 hingga 40-an, 41 hingga 50-an, 51 hingga 60-an, 61 hingga 70-an, dan 71 hingga 80-an. Daripada lapan informan yang ditemu bual, dapat dilihat bahawa pihak pemegang taruh di Pulau Banggi ini majoritinya adalah daripada

golongan umur 50 dan 70 tahun ke atas. Jantina informan pula majoritinya adalah daripada lelaki. Pengkaji bersetuju dengan pendapat Anwar dan Muhammad (2016) menyatakan dalam makalahnya bahawa gender berkait rapat dengan pembahagian peranan dan kedudukan di antara golongan lelaki dengan wanita dalam sesebuah masyarakat terhasil daripada proses sosialisasi dan budaya. Dalam hal ini, penulis menambah kedudukan dan peranan khususnya wanita dalam masyarakat tradisional hanya memainkan peranan yang stereotaip, disamping dominasi kuasa oleh golongan lelaki dalam sistem kemasyarakatan.

Jadual 1. Profil demografik informan.

Informan	Umur	Jantina	Status	Bangsa	Tahap pendidikan	Tempat tinggal
I1	23	Perempuan	Bujang	Bajau Ubian	SPM	Kg. Perpaduan
I2	45	Lelaki	Berkahwin	Bajau Ubian	PMR	Kg. Perpaduan
I3	57	Lelaki	Berkahwin	Bajau Ubian	SPM	Kg. Perpaduan
I4	75	Lelaki	Berkahwin	Dusun Bonggi	Sekolah rendah	Kg. Kalangkaman
I5	63	Lelaki	Berkahwin	Molbog	SPM	Kg. Maliyu
I6	33	Lelaki	Berkahwin	Bajau Ubian	SPM	Pekan Karakit
I7	75	Lelaki	Berkahwin	Molbog	STPM	Kg. Maliyu
I8	58	Lelaki	Berkahwin	Bajau Ubian	STPM	Pekan Karakit

Status perkahwinan bagi majoriti informan yang ditemu bual adalah sudah berkahwin. Hal ini menunjukkan bahawa informan yang dipilih menjadi ketua pemimpin khususnya kepada etnik yang ada di lokasi kajian adalah orang lama yang lebih berpengalaman dalam budaya mereka, serta mempunyai kemahiran kepimpinan. Menurut kajian dalam makalah Bin Ashaari (1999) menyatakan bahawa kemahiran kepimpinan adalah seperti kemahiran menghurai, mengamalkan dan mengawal tingkah laku, kemahiran memahami masalah dan membantu mencari penyelesaian, kemahiran mendengar, memberi perhatian, memberi penjelasan, refleksi, konfrontasi, mentafsir, memberi maklumat, membuat rumusan dan hubungan manusia. Selain itu, majoriti informan yang ditemu bual adalah berbangsa Bajau Ubian, kerana kajian dijalankan di kampung yang berdekatan dengan Pekan Karakit. Pengkaji berpendapat bahawa walaupun etnik Dusun Bonggi yang lebih dominan di Pulau Banggi, namun etnik tersebut majoritinya tinggal di kawasan pedalaman yang sukar untuk diakses dan agak ketinggalan dari segi pembangunan modenisasi.

Cabaran pembangunan inap desa di Pulau Banggi

Terdapat empat aspek yang dikenal pasti sebagai cabaran pembangunan inap desa di Pulau Banggi, iaitu daripada aspek aksesibiliti pengangkutan dan jalan raya, kekurangan kemudahan asas, kekurangan penglibatan komuniti, dan promosi dan pemasaran yang terhad.

Aksesibiliti pengangkutan Dan jalan raya

Bocarejo dan Oviedo (2012) menyatakan bahawa aksesibiliti merupakan peluang yang ada untuk mencapai destinasi yang dituju dari tempat asalan (origin) ke tempat yang dituju (destination). Berdasarkan tinjauan awal yang dilakukan, aksesibiliti ke Pulau Banggi hanya boleh dicapai melalui bot yang mengambil masa lebih kurang satu jam perjalanan daripada jeti di Daerah Kudat, dan terdapat kesukaran dalam mengekalkan rangkaian pengangkutan yang boleh dipercayai dan berkesan. Ini menjadikan perjalanan ke pulau ini agak sukar, terutamanya bagi pelancong antarabangsa yang pertama kalinya datang ke lokasi ini (*Rajah 3*).



Rajah 3. Pengangkutan utama penduduk daripada Daerah Kudat ke Pulau Banggi.

Walaubagaimanapun, semasa temu bual bersama informan di lokasi kajian, mereka lebih menyatakan aspek pembangunan jalan raya perlu terlebih dahulu diutamakan. Informan ketiga menyatakan dalam temu bual bahawa kemudahan jalan raya di Pulau Banggi masih lagi berasaskan tanah kuning, dan sekiranya berlaku kerosakan jalan, penduduk harus segera memperbaikinya untuk mengelakkan sebarang kesulitan melanda penduduk yang membawa kenderaan. Dalam temu bual, informan ketiga menyatakan:

“...kamu tenggo jalan raya, jalan raya ni memang tidak bulih sepenuhnya kita kasi bagus. Tapi yang mana yang berlubang-lubang, memang kita kasi tutup. Supaya orang yang memairit (chater) di sini ini, daripada Dagotan, kadang-kadang yang daripada Dagotan itu kalau ujan, banjir, dia tidak boleh limpas sini ...”

(I3, 57 Tahun, Penduduk Kampung Perpaduan)

Manakala melalui temubual bersama dengan informan kedua pula menyatakan hal yang serupa, iaitu aspek jalan raya di Pekan Karakit lebih membangun, berbanding di kawasan pedalaman yang masih lagi berasaskan tanah kuning dan menyukarkan pergerakan penduduk kampung untuk ke Pekan Karakit. Informan kedua menyatakan:

“...yang aku minta di Banggi ini kan, hanya tiga faktor utama ni, kita atur lah dulu. Seperti jalan rayanya, airnya, elektriknya, kalau ko tinggu di sini kan, ko rasa baguslah, di kawasan sini letriknya, mungkin adalah, walaupun sudah mati dua hari bagini. Air pun, adalah air, jalan raya pun kita boleh tenggo masih lagi cantik. Tapi kalau kita tenggo yang pegi jauh sudah, pigi pedalaman, yang tidak ada elektrik, jalan masih lagi beabuk, bergrabol, kesian oh...”

(I2, 45 Tahun, Ketua Kampung Perpaduan)

Hal ini menunjukkan penduduk kampung amat terkesan dengan kerosakan jalan raya yang masih melanda kehidupan mereka di lokasi kajian. Bersesuaian dengan pendapat daripada kajian lepas, menyatakan aksesibiliti merupakan interaksi di antara sosial dan ekonomi. Beliau merumuskan aksesibiliti ditentukan oleh taburan spatial yang berpotensi, mempunyai kemudahan yang meluas, kualiti dan ciri-ciri aktiviti yang didapati di sesuatu destinasi. Beliau juga menyatakan sekiranya aksesibiliti di lokasi

yang dituju mempunyai tahap aksesibiliti yang tinggi, kos perjalanan seseorang individu berkurangan. Aksesibiliti juga ditentukan oleh corak penggunaan guna tanah dan jenis sistem pengangkutan di sesuatu lokasi. Sistem pengangkutan yang cekap memastikan semua lapisan masyarakat mendapat akses bagi memperluas aktiviti mencari pekerjaan, beriadah, mendapat keperluan harian, dan merapatkan jalinan perhubungan di sesuatu ruang (Unit Perancang Ekonomi Malaysia, 2016). Berdasarkan temu bual yang diadakan bersama dengan Pegawai Daerah di Pekan Karakit, pihak berwajib sedang berusaha untuk membangunkan kemudahan seperti jalan raya terlebih dahulu untuk kemudahan penduduk Pulau Banggi sendiri, dan kemudiannya adalah berfokuskan kepada pembangunan tempat-tempat pelancongan di lokasi kajian. Informan menjelaskan:

“...Aksesibiliti jalan raya dulu...kemudian ya potensi-potensi pelancongan. Pelancongan pun ada datang sini, dan kami pun telah bincangkan antaranya akan membuat satu esplanad sekarang sudah siap, yang menara, di dekat klinik sana kan, ada satu nama dia Medan Selera bah tu, dan kami akan buat satu menara tinjau di situ...”

(I6, 33 Tahun, Pegawai Daerah Pulau Banggi)

Oleh yang demikian, tidak dinafikan bahawa pemerintah mempunyai peranan yang sangat besar terhadap rakyat, dan berdasarkan temubual bersama dengan wakil pihak pemegang taruh di Pulau Banggi, mereka berusaha sehabis baik membangunkan kemudahan aksesibiliti di lokasi tersebut. Makalah Siddiqi (1996) menyatakan daripada perspektif Islam, ketika rakyat sedang menghadapi kesusahan, pemerintah perlu menjadi pihak terawal yang menghulurkan bantuan memandangkan mereka memikul amanah yang diberikan. Antara perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh kerajaan adalah: (a) pertahanan; (b) hukum dan perintah; (c) keadilan; (d) memenuhi keperluan; (e) dakwah (iaitu menyampaikan perutusan Allah kepada umat manusia); (f) mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran (amar makruf dan nahi mungkar); (g) pentadbiran awam; dan (h) memenuhi tanggungjawab sosial (fard kifayah) jika sektor swasta gagal memenuhinya.

Kekurangan kemudahan asas

Hasil pemerhatian yang dilakukan, pengkaji mendapati kemudahan prasarana dan perkhidmatan seperti jalan raya, bekalan elektrik, air, jeti, surau, klinik, sekolah menengah, sekolah rendah, tadika dan lampu jalan ada disediakan. Namun kemudahan ini hanya terdapat di kampung tertentu sahaja khususnya di kawasan Pekan Karakit. Sementara itu, di kawasan kampung yang lain hanya sebahagian sahaja kemudahan ini dapat dinikmati oleh penduduk. Aspek yang menjadi keutamaan penduduk untuk segera ditangani adalah aspek kekurangan kemudahan asas seperti bekalan air bersih dan bekalan tenaga elektrik yang tidak stabil. Walaupun adanya sistem solar dibangunkan di pulau tersebut, namun masih tidak dapat menampung jumlah penduduk. Berdasarkan temu bual bersama dengan informan ketiga, beliau memberitahu bekalan elektrik di Pulau Banggi hanya dapat dinikmati oleh penduduk di sesetengah kawasan sahaja, manakala kampung-kampung yang terletak jauh daripada kawasan Pekan Karakit masih tidak mempunyai bekalan elektrik. Beliau menyatakan:

“...Tingu macam masa sekarang ini di Banggi kan, masalah dia memang ada letrik, ada karan. Tapi masalahnya karan ini tidak lagi sekeliling ini Banggi. Yang suma (cuma) ada saja ni, yang berdekatan saja. Tapi kami sudah kami bersuara dengan pihak-pihak kerajaan, contohnya dalam kampung-kampung ini kan, diorang mau, macam contoh di Karakit ni, macam di Kg. Perpaduan ini, ada tiang elektrik. Cuba kalau budak-budak sekolah, cuba bayangkan di pendalaman, di darat sana, macam mana dorang mau belajar. Kalau tiada lampu. Ini yang kita mau ditulung oleh kerajaan, terutama ini letrik dengan ini air. Kadang-kadang ini air pun contohnya macam Karakit ini memang sudah senang. Tapi kadang-kadang air ini tidak datang juga...”

(I3, 57 Tahun, Penduduk Kampung Perpaduan)

Informan kedua menyatakan hal yang sama:

“...Ya, guna air paip. Ada jugalah, mana kampung yang terlibat ni, guna paip juga. Kalau di sebelah sana tu kan aaa, dorang tidak ada paip, tidak ada elektrik, jalan raya grabol...Aku rasa begitu bah...ya...kita punya air kadang-kadangkannya tidak ada bah. Di kawasan yang ada tempat menarik ini kan aaa, di situlah tempat itu dia punya itu susah, macam jalan rayanya, airnya, elektriknya, orang macamsusah bah...”

(I2, 45 Tahun, Ketua Kampung Perpaduan)

Pembangunan inap desa yang berkesan memerlukan akses kepada kemudahan asas yang mencukupi bagi pelancong, tetapi di Pulau Banggi, cabaran aksesibiliti pengangkutan dan kemudahan asas yang terhad masih menjadi isu yang perlu diberi perhatian dan tidak boleh dipandang enteng oleh pihak kerajaan. Tidak dapat dinafikan, meskipun negara telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, namun pembangunan prasarana dalam aspek penyediaan kemudahan infrastuktur sosial masih belum dilaksanakan secara menyeluruh untuk memenuhi keperluan penduduk. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Fadzil et al. (2016), tahap pencapaian kemudahan di Malaysia amat memuaskan (Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke Tujuh 1996-2000). Berdasarkan dapatan daripada kajian Abdullah (2014), Orang Asli di Malaysia adalah antara penduduk yang masih kurang dapat menikmati kemudahan prasarana berbanding dengan kaum lain. Hasil kajian turut menyatakan walaupun pihak kerajaan menyediakan bantuan untuk penduduk Orang Asli, namun masih belum memenuhi keperluan penduduk kerana prasarana dan infrastruktur tidak diurus dengan baik (Rajah 4).



Rajah 4. Penduduk menadah air hujan sebagai bekalan sumber air tambahan.

Hasil pemerhatian mendapati rata-rata penduduk masih membuat tadahan air hujan dan disimpan ke dalam takungan air seperti tangki, baldi dan botol. Langkah tersebut adalah untuk memastikan penduduk dapat melakukan aktiviti seharian seperti memasak, membersihkan diri, mencuci pakaian serta sebagai bekalan air minuman meskipun bekalan air paip terputus. Temubual bersama salah seorang daripada pekerja perkhidmatan inap desa berkata:

“...masalah air? ada jugaklah, tapi kami ada stok sedia, stok air dekat tangki. Yang paip juga, simpanlah dekat bawa, macam kalau abis air dekat atas tu. Macam ni, pakai water pump kasi naik, air tangki...”

(I1, 23 Tahun, Penduduk Kampung Perpaduan)

Ini menunjukkan, penduduk di kawasan Pulau Banggi cuba untuk bertahan dan beradaptasi dengan masalah bekalan air paip yang masih terhad. Penelitian pengkaji daripada kajian di negara Barat, penduduk pribumi atau dikenali sebagai masyarakat asal mereka, mempunyai persamaan dengan hasil kajian pengkaji, iaitu sesetengah mereka masih tidak dapat menikmati pembangunan prasarana dan infrastruktur sosial. Di Australia, kajian Hunter (2005) mendapati masyarakat pribumi di Australia mengalami diskriminasi sosial yang cukup ketara terutama dalam kegiatan ekonomi, kemahiran dan penyediaan infrastruktur yang memaksa mereka hidup dalam serba kekurangan. Manakala berbeza dengan dapatan kajian oleh Cherubini dan Barrett (2013) terhadap masyarakat asal di Kanada, mendapati masyarakat mereka telah mengalami sedikit pembangunan dalam kehidupan mereka terutama dalam aspek infrastruktur sosial seperti jalan raya dan ekonomi. Oleh yang demikian, senario ini bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga di negara Barat yang lainnya. Pengkaji mengharapkan kerajaan segera mengambil langkah proaktif dalam membangunkan kemudahan asas khususnya di lokasi kajian, agar pembangunan inap desa dapat dilaksanakan seiring dengan perkembangan aktiviti pelancongan ke Pulau Banggi.

Penglibatan komuniti tempatan

Berdasarkan tinjauan awal yang dilakukan, ekonomi utama bagi penduduk di Pulau Banggi adalah berasaskan nelayan, dan penanaman kelapa sawit. Informan kedua

menyatakan ekonomi bagi penduduk di Pulau Banggi adalah sebagai nelayan. Namun, pemerhatian pengkaji mendapati terdapat segelintir penduduk yang bekerja dalam ekonomi swasta, seperti pekerja pusat peranginan, pelayan restoran, juruwang dan membuka kedai peruncitan. Informan kedua turut menyatakan kebanyakan penduduk dalam kalangan kelompok remaja telah berhijrah ke bandar untuk mencari sumber pendapatan. Dalam temu bual informan kedua berkata:

“...kerja diorang nelayanada juga yang nelayan, ada juga yang kerja biasa...generasi muda ni, kalau sekarang ini kan aaa, dorang kerja itu kan, memang, kalau nelayan adalah kurang sikit. Kebanyakan dorang tu memang kerja sendirilah di bandar...”

(I2, 45 Tahun, Ketua Kampung Perpaduan)

“...Satu...mau melihat keadaan. Kedua, memang kita kurang kerja disini ini. Ketiga pun, memang mau bubut (kejar) gaji lah. Gaji kita disini dengan Semenanjung, kita sini di Sabah ini kalau cuci piring berapa saja. Kalau di sana cuci piring pun satu ribu lebih...dorang kadang-kadang hantar bantuan juga...bagi ibu bapa dorang...”

(I4, 75 Tahun, Bekas Ketua Kampung Kampung Kalangkanan)

Pengkaji berpendapat lebih ramai generasi muda akan berhijrah ke bandar pada masa akan datang untuk mendapat peluang pekerjaan. Berdasarkan kajian Roslee bin Haji Abbas & Dzulkiflee Abdullah bin Binsin (2008), penghijrahan generasi muda di Sabah ke bandar-bandar utama di Malaysia adalah disebabkan oleh (1) Tiada peluang pendidikan tinggi di luar bandar; (2) Peluang pekerjaan amat terhad; (3) Pendapatan di bandar lebih tinggi daripada di luar bandar; (4) Persekitaran di luar bandar tidak dapat menjana minda ke tahap yang diinginkan; (5) Pekerjaan utama di luar bandar seperti pertanian dan perikanan tidak dapat meningkatkan taraf kehidupan; (6) Peluang untuk meningkatkan pendapatan di luar bandar adalah rendah; (7) Kehidupan di luar bandar membawa kepada kemunduran dari aspek ekonomi dan minda; (8) Kurang terdapat pusat-pusat sumber seperti perpustakaan; dan (9) Keadaan di tempat asal terlalu daif. Maka, tidak mustahil yang tinggal di kawasan lokasi kajian hanya golongan yang lebih berumur dan kesedaran untuk melibatkan diri dalam penyediaan inap desa kepada pelancong sudah pasti lebih sukar untuk dipupuk kerana golongan ini lebih mengutamakan ekonomi sebagai nelayan semata-mata.

Pengkaji mendapati hanya seorang pengusaha inap desa yang ada di Pekan Karakit, iaitu Encik Kahar di Kampung Perpaduan berdasarkan temu bual dengan salah seorang pekerja inap desa tersebut. Dalam temu bual tersebut, informan pertama tersebut menyatakan Encik Kahar mengusahakan inap desa tersebut secara persendirian dan tidak berkongsi dengan sesiapa untuk menawarkan pakej-pakej kepada pelancong. Kemudahan yang ditawarkan oleh Encik Kahar hanyalah penyediaan beberapa buah bilik sahaja kepada pelancong yang datang ke Pulau Banggi, dan berkenaan pakej makan minum atau pengangkutan harus dicari dan ditanggung oleh pelancong itu sendiri. Ini memberikan gambaran awal kepada pengkaji bahawa penglibatan komuniti di lokasi kajian masih lagi di tahap yang rendah sekiranya dilihat daripada aspek pembangunan dan pelaksanaan inap desa di lokasi kajian. Dalam sesi temu bual tersebut, informan berkata:

“...homestay ja ni ada, tiada pakej, tapi ni sendiri punya kan, dorang tiada kongsi-kongsi. Jadi kalau macam ada kongsi, mungkinlah ada dorang kasi sedia bot ka, macam ambi pelancong balik ka. Memang sendiri, yang ada pun cuma bilik syak la. Pemilik homestay ni Pak cik Kahar...”

Bukan itu sahaja, tinjauan melalui temu bual mendapati penduduk tidak bersedia untuk menjalankan sebarang pembangunan inap desa di kawasan rumah mereka. Namun, penduduk mengalu-alukan pihak luar untuk melaburkan pelbagai pembangunan di Pulau Banggi untuk menarik lebih ramai pelancong datang. Informan kedua berkongsi pengalaman beliau berjumpa dengan wakil rombongan daripada PETRONAS yang membuat tinjauan di Pulau Banggi, beliau ada menyuarakan agar pihak PETRONAS membuat pelaburan pembangunan di lokasi kajian, kerana PETRONAS berpandangan bahawa Pulau Banggi mempunyai potensi untuk dibangunkan dalam aspek pelancongan. Informan kedua menambah:

“...aku rasa kan, satu saja kalau di Banggi ini, tarik itu pelabur nak buat sini. Sebab baru-baru ini kami ada bercerita dengan rombongan daripada Petronas, saya pun pernah terbabit juga pigi...apa ini...pigi Dagotan...dorang pun tekejut tenggo ini pulau, dia punya kecantikan, dia punya keindahan...dia pun bercerita dengan saya, ini kalau di China bilangnye, ini kan aa, kita sudah kaya. Disini cuma tidak diusahakan. Aku pun bergurau lah, aku bilang Petronas ini kaya bah. Kenapa bilangku dia tidak melabur di sini? Laburkan lah, untuk kemajuan ini tempat kan. Kalau Langkawi itu bilang ku boleh maju, setakat begitu saja, kenapa bilangku ini Banggi tidak boleh...tapi macamana, jalan pun masih lagi beabuk (behabuk), bergrabol...mesti ini jalan diatur dulu, letrik di kasi sampai di kampung by kampung, aaa kita punya air...”

(I2, 45 Tahun, Ketua Kampung Perpaduan)

Informan kelima yang merupakan ketua kampung bagi Kg. Maliyu menambah bahawa di kampung mereka tidak menyediakan sebarang perkhidmatan penginapan seperti inap desa. Sekiranya terdapat orang luar yang datang ke kampung seperti para pelajar yang ingin menjalankan kajian, penduduk kampung memberikan mereka penginapan bermalam di rumah penduduk kampung yang tersedia untuk menerima. Informan menyatakan:

“...aaa...kalau macam disini, di tempat kami ini tiada taukalau ada orang macam luar datang sini, terpaksa tidur di rumah lah...bukan macam sana di Karakit, di Karakit ada tempat tinggal, di sini macam rumah sajalah...”

(I5, 63 Tahun, Ketua Kampung Maliyu)

Perancangan pembangunan inap desa memerlukan kerjasama dan sokongan dari komuniti tempatan. Menurut Samsul dan Hussin (2021), program inap desa merupakan salah satu daripada program yang dijalankan untuk memajukan kawasan luar bandar yang amat memerlukan penglibatan komuniti untuk menjayakannya. Hal ini bertujuan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat luar bandar untuk menyertai sektor pelancongan negara. Makalah penulis menyatakan pelancongan inap desa yang dijalankan di Kg. Seri Serbang, iaitu di kawasan kajian penulis, mendatangkan manfaat yang baik kepada ahli komuniti dari segi penyediaan peluang pekerjaan untuk

menambahkan peluang pendapatan yang tinggi. Maka, melibatkan penduduk tempatan dalam inisiatif perancangan pembangunan inap desa penting untuk memastikan bahawa pembangunan inap desa memberi manfaat kepada penduduk itu sendiri. dan tidak merosakkan sosioekonomi atau alam sekitar pulau. Oleh itu, melibatkan komuniti tempatan dan memastikan bahawa mereka memahami manfaat pembangunan inap desa adalah satu cabaran lain yang perlu diatasi.

Promosi dan pemasaran yang terhad

Berdasarkan daripada temu bual secara tidak langsung pengkaji bersama beberapa orang rakan, kebanyakan mereka tidak mengetahui akan kewujudan Pulau Banggi. Pengkaji adalah salah seorang yang pertama kali datang ke Pulau Banggi untuk melakukan kajian tinjauan awal bersama dengan barisan pensyarah pada bulan Oktober 2022. Pengkaji berpendapat promosi daripada penduduk di lokasi kajian adalah kurang berkesan, dan tidak sampai kepada masyarakat luar mahupun dalam kalangan pelancong. Tidak dinafikan, melalui tinjauan awal dan temu bual bersama kalangan informan, terdapat beberapa kawasan yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai kawasan tarikan pelancongan. Informan keempat berkata:

“...disini kan, cantik dia punya pantai. Di Banggi ini, kami ada juga air terjun, walaupun tidak tinggi. Daripada segi gua, memang banyak. Aku pernah masuk di Balambangan, cantik juga...di Balambangan. Pigi Timbang Dayang, tapi Timbang Dayang memang susahlah nak masuk, mesti ikut tali. Tapi kalau pigi Balambangan, cantik. Saya sudah pernah masuk sana, memang cantik...”

(I4, 75 Tahun, Bekas Ketua Kampung Kampung Kalangkaman)

Informan keempat menyatakan tarikan Gua Timbang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan pelancongan, selain tarikan pantai dan air terjun yang ada di lokasi kajian. Pengkaji tidak berkesempatan ke Gua Timbang Dayang dan melalui penulisan oleh Molinka et al. (2021) menceritakan Gendang Gangsa dijumpai secara tidak sengaja oleh penduduk kampung di Gua Timbang Dayang, Pulau Banggi dan telah diserahkan kepada pihak Muzium Sabah ketika aktiviti survei tapak arkeologi di kawasan Bukit Timbang Dayang dilakukan sekitar tahun 1994. Malahan, menurut penulis lagi satu ekskavasi penyelamatan telah dilakukan oleh Unit Arkeologi, Muzium Sabah pada 12-15 Ogos 1994 dan menemukan tembikar, pecahan tembikar dan manik pelbagai jenis. Keadaan gua yang sempit dan sangat gelap adalah halangan utama semasa kajian lapangan dilakukan. Pengkaji berpendapat kawasan Gua Timbang Dayang sesuai dibangunkan sebagai tapak pelancongan bersejarah bukan sahaja kepada pelancong, tetapi menarik para pengkaji daripada dalam dan luar negara untuk datang ke lokasi kajian. Beberapa kawasan lain yang berpotensi menjadi tarikan pelancong untuk dipromosikan kepada masyarakat luar adalah seperti pulau-pulau kecil yang ada di sekeliling Pulau Banggi, Tanjung Menyangit serta tarikan kepelbagai etnik dan suku kaum. Dalam temubual informan kelima menyatakan:

“...di sana...di hujung sana, ada tanjung, Tanjung Menyangit. Di sana lah yang macam menarik, banyak pulau-pulau yang kita boleh tengok. Buluh juga memancing...habis dia punya kawasan sana itu dalam, biarpun macam di siring pantai itu kan, dia ada dalam bah...”

(I5, 63 Tahun, Ketua Kampung Maliyu)

Informan keenam berkata:

“...banyak, memang banyak potensi dia. Pulau Banggi ini pun ada lagi pulau-pulau kecil, ada kawasan yang dia tidak kena ombak. Ada pulau-pulau kecil yang berhampiran...”

(I6, 33 Tahun, Pegawai Daerah Pulau Banggi)

Temu bual bersama informan ketujuh menyatakan suku kaum yang dominan di lokasi kajian adalah daripada suku kaum Ubian, dan sebanyak enam suku kaum secara keseluruhannya. Informan menyatakan:

“...disini ada enam suku kaum, untuk makluman kamu. Pertama Bonggi, kedua Molbog, ketiga Ubian, keempat Kagayan, kelima Suluk, keenam Bajau Samah. Paling ramai, Ubian, baru Bonggi, baru kami. Ada enam suku kaum tapi yang aktif, kami lah Molbog...”

(I7, 75 Tahun, Presiden Etnik Molbog, Kampung Maliyu)

Sekiranya penduduk membuka pusat penginapan inap desa di rumah mereka dan mempraktikkan konsep inap desa kepada para pelancong yang datang, ini sudah pasti memberikan pendedahan budaya dan tradisi etnik tuan rumah tersebut kepada tetamu yang menginap. Pengkaji merujuk kepada Suffarruddin et al. (2023) definisi rasmi bagi inap desa oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, 2021) ialah program inap desa adalah satu pengalaman pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah, berinteraksi dan menimba pengalaman kehidupan seharian dan mempelajari budaya masyarakat luar bandar. Ia juga merupakan inisiatif di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar yang memfokuskan kepada usaha untuk meningkatkan penglibatan komuniti luar bandar dalam aktiviti pelancongan. Maka, inap desa bukanlah hanya sebagai kemudahan penginapan sahaja, tetapi dilihat daripada aspek cara hidup dan pengalaman, merangkumi aspek budaya dan kegiatan ekonomi komuniti setempat. Oleh yang demikian, penduduk perlu membuat pelaksanaan pemasaran yang lebih inovatif untuk menarik kedatangan pelancong ke Pulau Banggi yang menyajikan kepelbagaian produk potensi pelancongan seperti lokasi ekopelancongan dan pelancongan budaya. Makalah oleh Romero dan Tejada (2020) menyatakan pengusaha perlu membuat kepelbagaian saluran untuk mempromosikan produk dan mengaplikasikan pengedaran serta pemasaran digital (Sakdiyakorn dan Sivarak, 2016; Yiamjanya, 2016), untuk meningkatkan permintaan. Secara tidak langsung, inovasi melalui kepelbagaian medium yang digunakan untuk tujuan pemasaran memberikan impak yang positif terutamanya untuk menyebarkan lokasi-lokasi menarik yang ada di Pulau Banggi. Inovasi pemasaran ditakrifkan sebagai pembaharuan dan penambahbaikan terhadap teknik pemasaran baharu supaya perniagaan dapat memenuhi jangkaan pelanggan (Khan et al., 2021) dan seterusnya berupaya meningkatkan daya saing firma (Kovanoviené et al., 2021).

Kesimpulan

Kajian mengenai cabaran pembangunan inap desa di Pulau Banggi mendedahkan bahawa walaupun Pulau Banggi mempunyai potensi besar untuk menjadi tarikan

pelancongan yang menawarkan pengalaman alam semulajadi dan budaya yang unik, terdapat beberapa halangan yang perlu diatasi. Antara cabaran utama yang dihadapi termasuk kekurangan bekalan air bersih dan elektrik, infrastruktur asas seperti jalan raya, kurangnya penglibatan komuniti setempat serta promosi berkenaan Pulau Banggi yang masih terhad. Kesemua faktor ini menghalang pembangunan pelancongan, khususnya inap desa, di kawasan tersebut. Melalui pendekatan kualitatif yang melibatkan pemerhatian dan temu bual dengan ketua kampung, ketua-ketua etnik, dan pihak pemegang taruh, kajian ini telah mengenal pasti keperluan mendesak bagi pembangunan kemudahan asas dan infrastruktur di Pulau Banggi. Peningkatan infrastruktur ini bukan sahaja penting untuk menarik pelancong tetapi juga untuk memastikan kesejahteraan ekonomi dan sosial penduduk tempatan. Oleh itu, komitmen dan inisiatif dari pihak kerajaan serta agensi berkaitan adalah amat diperlukan untuk mengatasi cabaran-cabaran ini. Dengan pelaksanaan strategi yang betul, Pulau Banggi boleh dibangunkan sebagai destinasi pelancongan yang mampan, yang tidak hanya meningkatkan ekonomi tempatan melalui penglibatan mereka dalam pembangunan inap desa, tetapi juga memelihara budaya dan warisan etnik yang unik di pulau tersebut.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Malaysia Sabah (UMS) kerana memberi dan sokongan kewangan untuk menyiapkan kajian penyelidikan ini serta menerbitkan kertas akademik.

Konflik Kepentingan

Pengkaji mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan yang melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Abdullah, P. (2014): *Orang Asli: Pembangunan dan Transformasi*. – Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin 249p.
- [2] Ahmad, H., Jusoh, H., Siwar, C., Buang, A., Noor, M.S.H., Ismail, S.M., Zolkapli, Z.A. (2011a): *Pelancongan budaya di koridor ekonomi wilayah pantai timur (ecer): isu dan cabaran*. – *Malaysian Journal of Society and Space* 7: 180-189.
- [3] Ahmad, M.Z., Ibrahim, J.A., Zakaria, N. (2011b): *Inap desa sebagai satu agen pembangunan sosioekonomi komuniti: Menelusuri perspektif pelajar-pelajar pengurusan pelancongan UUM*. – *Prosiding Perkem*. 6(2): 481-493.
- [4] Anwar, S., Muhammad, S.J.N. (2016): *Perhubungan gender dalam masyarakat tradisional berdasarkan Hikayat Patani*. – *Journal of Business and Social Development* 4(2): 25-47.
- [5] Azmi, N.I.M., Hanafiah, M.G. (2018): *Pelancongan Budaya di Sungai Lembing*. – *Jurnal Wacana Sarjana* 2(4): 1-10.
- [6] Bin Ashaari, O. (1996): *Pengurusan Sekolah Suatu Panduan Lengkap*. – Kuala Lumpur: Utusan Pub. 459p.
- [7] Bocarejo S, J.P., Oviedo H, D.R. (2012): *Transport accessibility and social inequities: a tool for identification of mobility needs and evaluation of transport investments*. – *Journal of Transport Geography* 24: 142-154.

- [8] Cherubini, L., Barrett, J. (2013): Teaching and Learning in Remote Northern Ontario Schools: Aboriginal Teacher Perceptions. – *Native Studies Review* 22: 157-170.
- [9] Cole, G.A. (1995): *Organisational Behaviour: Theory and Practice*. – DP Publications 381p.
- [10] Fadzil, K.S., Ibrahim, W.S.W., Awang, S.N., Zainol, R., Edo, J. (2016): Masyarakat pribumi, infrastruktur sosial dan pembangunan terancang di Malaysia: Kajian penglibatan masyarakat Orang Asli di RPS Air Banun, Belum-Temengor, Perak. – *Geografia* 12(10): 88-100.
- [11] Hairal, H., Hussin, R. (2021): Potensi membangunkan program homestay dan penglibatan komuniti di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: Potential to develop homestay programmes and community participation in Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. – *Journal of Borneo Social Transformation Studies* 7(1): 37-55.
- [12] Hunter, B.H. (2005): The role of discrimination and the exclusion of Indigenous people from the labour market. – *Culture, Economy and Governance in Aboriginal Australia*, University of Sydney Press, Sydney 23p.
- [13] Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (2021): *Program Pengalaman Homestay Malaysia*. – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia 48p.
- [14] Khan, M.A., Yasir, M., Khan, M.A. (2021): Factors affecting customer loyalty in the services sector. – *Journal of Tourism and Services* 12(22): 184-197.
- [15] Kovanovienè, V., Romeika, G., Baumung, W. (2021): Creating value for the consumer through marketing communication tools. – *Journal of Competitiveness* 13(1): 59-75.
- [16] Kunjuraman, V. (2019): Kajian terhadap syarat dan fenomena semasa dalam pembangunan program homestay di Malaysia. – *Geografia* 15(1): 84-97.
- [17] Mapjabil, J., Rosdi, S.A.M., Shuib, M., Abdullah, S. (2011): Pembangunan program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia: Profil, produk dan prospek. – *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 7(2): 45-54.
- [18] Molinka, N.N., Bee, B.B.B., De Silva, M. (2021): Penemuan Gendang Gangsa Timbang Dayang di Pulau Banggi, Sabah. – *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(9): 196-201.
- [19] Mudjiyanto, B. (2018): Tipe penelitian eksploratif komunikasi. – *Jurnal Studi Komunikasi dan Media* 22(1): 65-74.
- [20] Nor Ashikin, M.N., Kalsom Kayat, K.K. (2010): The challenges of community-based homestay programme in Malaysia. – In: *Regional Conference on Tourism Research (RCTR 2010)* 5p.
- [21] Pejabat Daerah Pulau Banggi (2022): *Latar belakang*. – Web Portal Pejabat Daerah Pulau Banggi 1p.
- [22] Romero, I., Tejada, P. (2020): Tourism intermediaries and innovation in the hotel industry. – *Current Issues in Tourism* 23(5): 641-653.
- [23] Sakdiyakorn, M., Sivarak, O. (2016): Innovation management in cultural heritage tourism: Experience from the Amphawa waterfront community, Thailand. – *Asia Pacific Journal of Tourism Research* 21(2): 212-238.
- [24] Samsul, S.S., Hussin, R. (2021): Penglibatan Komuniti Dalam Program Homestay Berasaskan Ekopelancongan: Kajian Kes Di Kampung Seri Serbang Bongawan, Papar, Sabah. – *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)* 7(1): 129-147.
- [25] Siddiqi, M.N. (1996): *Teaching economics in Islamic perspective*. – Scientific Publishing Centre 270p.
- [26] Sihombing, B., Simanjuntak, K.G. (2019): Peran Kompetensi Sumber Daya Manusia Pengelola Homestay Berbasis Entrepreneurship di Desa Silimalombu Samosir Dalam Meningkatkan Minat Wisatawan Mancanegara Berkunjung ke Kabupaten Samosir. – *Jurnal Ilmiah Akomodasi Agung* 6(2): 26-41.
- [27] Suffarruddin, S.H., Jaafar, M., Anim, N.A.H.M., Jamaludin, N.A. (2023): Impak Inovasi Pemasaran dalam Pengkomersialan Pelancongan Luar Bandar: Kajian Kes Program Inap Desa di Semenanjung Malaysia. – *Jurnal Pengurusan* 69: 15p.

- [28] Unit Perancang Ekonomi Malaysia (2016): Rancangan Malaysia Ke-11, 2016-2020. – Jabatan Perdana Menteri 4p.
- [29] Yiamjanya, S. (2016): Endogenous and exogenous factors for e-marketing technology and innovation in homestay establishments: A case study of Samut Songkhram Province, Thailand. – *Journal of Economics, Business and Management* 4(1): 40-46.